

05 JUL 2001

Samy-BN

MIC AKAN GESA BAGI SEMAKAN SEMULA BN DI KONVENSYEN

KAJANG, 5 Julai (Bernama) -- MIC, parti komponen ketiga terbesar dalam Barisan Nasional, akan mencadangkan supaya gabungan 13 anggota itu menyemak semula dasarnya dan mencari cara baru untuk menyakinkan orang ramai bahawa BN masih pilihan terbaik.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata cadangan itu akan dibentangkan pada Konvensyen BN yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pada Sabtu.

"BN tidak boleh bergantung kepada cara lama untuk meraih undi. Kita patut gunakan cara baru bagi menyakinkan orang ramai bahawa BN adalah parti terbaik bagi negara ini daripada semua aspek, jadi cara baru diperlukan," katanya.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah Lebuhraya Lingkaran Kajang, di Sungai Long di sini hari ini.

Konvensyen itu yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan dihadiri oleh pemimpin 13 parti komponen itu.

Parti berkenaan ialah Umno, MCA, MIC, Gerakan, Parti Progresif Penduduk (PPP), Parti Liberal Demokratik (LDP), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersekutu (Upko), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Samy Vellu berkata MIC tidak akan membentangkan sebarang resolusi pada konvensyen itu tetapi akan mencadangkan langkah-langkah yang dapat diguna pakai oleh BN untuk menarik pengundi.

"Saya akan minta Perdana Menteri (dalam ucapan saya) untuk menimbangkan menukar cara BN beroperasi kerana kita dapati kaedah yang kami gunakan sekarang untuk menarik pengundi sudah ketinggalan zaman dan tidak mendatangkan faedah daripada segi politik," katanya.

Ketua MIC itu berkata beliau juga akan membangkitkan "beberapa perkara penting" yang penting bagi survival BN.

-- BERNAMA

SR ES RHM